

BAB III

BANDAR BIREUEN DAN HUKUMAN SEBAT DI NANGGROE ACEH

DARUSSALAM

3.1. Gambaran Ringkas Mengenai Bandar Bireuen

3.1.1. Sejarah Penubuhan Bandar Bireuen

Bandar Bireuen adalah salah satu dari Wilayah Tingkat II di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. Bermula tahun 2000 ia telah menjadi bandar bersendirian hasil pemisahan dari bandar Aceh Utara. Bandar ini tersohor dengan gelaran “kota juang”. Bandar Bireuen berada pada kedudukan $4^{\circ} 54'' - 5^{\circ} 21''$ LU dan $96^{\circ} 20'' - 97^{\circ} 21''$ BT, dengan keluasan wilayah $1,901,121\text{ Km}^2$ atau 190,121 hektar. Kawasan dari bahagian Utara bersempadan dengan Selat Melaka, manakala bahagian Selatan bersempadan dengan bandar Bener Meriah dan Pidie, bahagian Barat bersempadan dengan bandar Pidie dan bahagian Timur dengan Aceh Utara.¹²⁴

Bandar Bireuen ditubuhkan berasaskan kepada undang-undang No. 48 Tahun 1999 dan undang-undang No. 8 Tahun 2000 tentang perubahan ke atas undang-undang No. 48 Tahun 1999 tentang penubuhan bandar Bireuen dan bandar Simeulue (Lembar Negara Tahun 2000 No. 75 Tambahan Lembar Negara No. 3963)¹²⁵. Bandar ini mempunyai luas wilayah $1,901.21\text{ Km}^2$. Pada tahun 2006,

¹²⁴ Badan Pusat Statistik (BPS) dan Bandar Perencanaan Pembangunan Daerah (Bappeda) Kabupaten Bireuen (2007), *Monografi Kabupaten Bireuen tahun 2007*, h. 1

¹²⁵ Undang-Undang Republik Indonesia No. 8 Tahun 2000 Tentang Perubahan Atas Undang-Undang No. 48 Tahun 1999 Tentang Penubuhan Bandar Bireuen dan Bandar Simeulue

secara pentadbiran bandar Bireuen terdiri dari 17 Kecamatan atau daerah, 70 Mukim¹²⁶ dan 559 Desa serta 2 Kelurahan. Bilangan penduduk pada tahun 2006 sebanyak 354,763 orang merangkumi 174,258 lelaki dan 180,505 perempuan dengan perbezaan bilangan jantina sebesar 0.97 % atau bermakna bahawa pada setiap satu ratus penduduk perempuan didapati 97 orang lelaki.¹²⁷

3.1.2. Geografi Bandar Bireuen

Bandar Bireuen merupakan salah satu bandar di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam berkedudukan sangat strategik dan dilalui jalan nasional serta bersempadan dengan beberapa bandar. Secara geografi bandar Bireuen terletak pada kedudukan $4^{\circ} 54'$ minit Lintang Utara (LU) dan $96^{\circ} 22''$ - $97^{\circ} 21''$ Bujur Timur (BT) dengan luas wilayah 190,121 Km² atau 190,121 Hektar, dan terletak pada ketinggian 0 hingga 800 M dari permukaan laut.¹²⁸

Kawasan-kawasan pentadbiran bandar Bireuen adalah seperti berikut:¹²⁹

1. Dari bahagian Utara bersempadan dengan Selat Melaka.
2. Dari bahagian Selatan bersempadan dengan bandar Bener Meriah dan Aceh Tengah.
3. Dari bahagian Barat bersempadan dengan bandar Pidie Jaya.
4. Dari bahagian Timur bersempadan dengan bandar Aceh Utara.


¹²⁶ Mukim adalah kumpulan penduduk di dalam provinsi daerah istimewa Aceh yang merangkumi beberapa kampung yang mempunyai sempadan-sempadan daerah tertentu dan harta kekayaan sendiri. Lihat Badruzzaman Ismail (2009), *Dasar-Dasar Hukum Pelaksanaan Adat dan Adat Istiadat Aceh*. Banda Aceh: Majelis Adat Aceh Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 56.

¹²⁷ *Ibid.*, h. 1.

¹²⁸ *Ibid.*, h. 4.

¹²⁹ *Ibid.*, h. 4.

Rajah 3.1. Peta Bandar Bireuen



Sumber: Dokumentasi Badan Perencanaan dan Pembangunan Daerah (Bappeda)

Topografi bandar Bireuen mempunyai kawasan yang rata dan beralun-alun (0-8 %) terutamanya pada kawasan pesisir utara, manakala kawasan bahagian selatan mempunyai topografi dengan keceruman sebanyak 15 % hingga 30 %.¹³⁰

3.1.3. Penduduk Bandar Bireuen

Bilangan penduduk bandar Bireuen pada tahun 2006 mencecah 354,763 orang, merangkumi 174,258 orang lelaki dan 180,505 orang perempuan. Manakala pada tahun 2005 bilangan penduduk sebanyak 351,835 orang, merangkumi 169,365 lelaki dan 182,470 perempuan. Hasil daripada pemikiran ini membawa bahawa penduduk bandar Bireuen mencapai peningkatan sebanyak 0.83 %.¹³¹

Bilangan rumah tangga di bandar Bireuen pada tahun 2006 telah direkodkan sebanyak 77,257 rumah tangga dalam perkiraan 5 orang setiap ahli rumah tangga.

¹³⁰ Ibid., h. 4-5.

¹³¹ Ibid., h. 19.

Penyebaran penduduk di bandar Bireuen pada tahun 2006 sebahagian besar terdapat di daerah kota juang dengan tahap kepadatan penduduk 1,339 orang/km dan 356 orang/km untuk daerah Peusangan. Kemudian diikuti daerah Jeumpa dengan bilangan penduduk 404 orang/km. Manakala daerah yang sangat sedikit bilangan penduduknya ialah daerah Pandrah dengan bilangan penduduk seramai 7,420 orang dengan tahap bilangan seramai 83 orang/km.¹³²

3.1.4. Agama Masyarakat Bandar Bireuen

Majoriti penduduk bandar Bireuen adalah beragama Islam dengan bilangannya mencapai 99.63 % pada tahun 2006. Manakala agama Protestan 0.10 %, Katolik 0.07%, Hindu 0.01 % dan Budha 0.19 %.¹³³ Jumlah besar bilangan masyarakat beragama Islam tersebut kerana wujudnya sokongan fasiliti ibadah. Di antara kemudahan ibadah tersebut ialah:

3.1.4.1. Kemudahan Ibadah

Masjid merupakan salah satu tempat ibadah masyarakat muslim yang wujud di setiap kampung di bandar Bireuen. Selain daripada tempat ibadah, masjid juga dapat digunakan sebagai tempat mesyuarat dan pendidikan agama. Selain daripada masjid, terdapat pula meunasah¹³⁴ sebagai tempat ibadah. Pada tahun 2006 di bandar Bireuen

¹³² *Ibid.*, h.19-20

¹³³ *Ibid.*,

¹³⁴ Meunasah (surau) merupakan fasiliti komunikasi budaya nilai-nilai Islam yang telah membangun bidalan “*Hukum (Agama) ngon Adat, lagei zat ngon sifat*”, “*Hukum dan adat, seperti zat dan sifatnya*.” Menunasah merupakan pusat pengendali proses muamalat antara masyarakat, kerana saling memerlukan bagi kesejahteraan sesama manusia organisasi kampung, sehingga melahirkan adat istiadat dan aturan adat. Selain daripada itu, meunasah juga dapat dimanfaatkan sebagai tempat persidangan bagi menyelesaikan perkara-perkara yang berhubungan dengan pelaksanaan syariat Islam, selagi mana berhubung kait dengan adat istiadat tempatan. Manakala masjid yang

terdapat 150 Masjid dan 429 Meunasah yang tersebar di seluruh kampung. Namun, pada tahun 2006 berlaku pengurangan prasarana ibadah. Hal tersebut berlaku kerana terjadinya bencana alam iaitu gempa bumi dan tsunami yang menyebabkan beberapa bangunan masjid serta meunasah rosak dan tidak boleh lagi digunakan sebagai tempat beribadah. Selain daripada itu, di bandar ini juga terdapat 379 tempat pengajian, 214 Tadika al-Qur'an dan 500 penyelidikan agama.

3.1.4.2. Program Keagamaan Masyarakat

Dalam usaha mempertingkatkan program keagamaan dan ketaatan masyarakat Bireuen bagi pelaksanaan syariat Islam, Majelis Permusyawaratan Ulama (MPU) bandar Bireuen telah bekerjasama dengan kerajaan untuk menaik taraf kemudahan bagi penyokong program tersebut. Diantara prasarana dan kemudahan yang telah diperuntukkan ialah pembinaan sebuah Masjid dalam setiap mukim dan satu Meunasah dalam setiap kampung. Menurut data yang diperoleh pengkaji dari Departmen Agama (Depag) Bireuen bahawa terdapat 75 buah Mukim¹³⁵ dan 609 Gampong (kampung) di bandar Bireuen.¹³⁶ Dengan demikian secara automatik bilangan tempat ibadah yang wujud di bandar Bireuen sebanyak 75 buah Masjid dan 609 buah Meunasah.¹³⁷ Menurut pandangan pengkaji, bilangan fasiliti ibadah tersebut sangat berkesan terhadap peningkatan ibadah masyarakat Bireuen, sehingga terbina sebuah masyarakat yang religi dan taat kepada perintah Allah SWT.

dibina untuk keperluan Mukim (beberapa kampung), berhubungan dengan fungsi membina nilai-nilai aqidah/syariat untuk kesempurnaan iman dan sifat-sifat kemanusian. Lihat Badruzzaman Ismail (2008), *Sistem Budaya Adat Aceh Dalam Membangun Kesejahteraan: Nilai Sejarah dan Dinamika Kekinian*. Banda Aceh: Majelis Adat Aceh (MAA) Nanggroe Aceh Darussalam, h. 71 dan 72.

¹³⁵ Badruzzaman Ismail (2009), *op.,cit.*, h. 56.

¹³⁶ *Ibid.*,h. 57. Gampong (kampung) adalah satu daerah yang diduduki oleh sekumpulan penduduk sebagai kesatuan masyarakat yang terkecil dan berhak mengendalikan rumah tangganya sendiri.

¹³⁷ Pejabat Departemen Agama (Depag) Bandar Bireuen, pada 27 Mei 2010.

Selain daripada itu, pada setiap Masjid dan Meunasah selalu menganjurkan ceramah secara berterusan dengan menjemput ulama ataupun ustaz untuk memberi ceramah agama antara dua hingga tiga kali dalam seminggu. Dengan adanya program ceramah tersebut dapat mempertingkatkan sedikit sebanyak kefahaman masyarakat tentang hukum hakam Islam. Selain daraipada itu terdapat juga program perayaan hari-hari besar Islam seperti sempena Maulidurrasul, Israj Mi'raj, Nuzul al-Qur'an dan perayaan tahun baru Islam serta pelbagai program lain yang diadakan setiap tahun.¹³⁸

3.1.5. Pendidikan Masyarakat Bireuen

3.1.5.1. Fasiliti Pendidikan

Berdasarkan data yang diperoleh daripada Dinas Pendidikan Nasional Bandar Bireuen bahawa bilangan sekolah kebangsaan pada tahun 2009 sebanyak 65 Sekolah Menengah Pertama Negeri (SMPN) dan 33 Sekolah Menengah Atas Negeri (SMAN). Kurikulum yang digunakan sekolah kebangsaan iaitu kurikulum nasional, yang mana mata pelajarannya 80 % pelajaran umum dan 20 % pelajaran agama.¹³⁹

Sementara itu, mengikut data dari Departemen Agama Bandar Bireuen bahawa bilangan sekolah swasta yang wujud di bandar Bireuen sebanyak 92 sekolah yang merangkumi pondok moden dan pondok tradisional. Kurikulum yang digunakan di pondok moden ialah gabungan antara kurikulum nasional dengan

¹³⁸ Hasil pemerhatian pengkaji di tempat kajian di bandar Bireuen, pada 18-28 Mei 2010.

¹³⁹ Sumber data dari Pejabat Dinas Pendidikan Nasional Bandar Bireuen, tahun 2009.

kurikulum pondok iaitu 50 % pelajaran umum dan 50 % pelajaran agama. Manakala pondok tradisional 100 % menggunakan kurikulum pondok dengan merujuk kepada kitab-kitab klasik.¹⁴⁰ Di bawah ini adalah senarai mata pelajaran dan rujukan buku-buku yang digunakan dalam pembelajaran di pondok tradisional di bandar Bireuen.

Jadual 3.1: Senarai Mata Pelajaran dan Buku-Buku Rujukan Yang Digunakan Pondok Tradisional di Bandar Bireuen.

No	Pelajaran	Nama Kitab
1	Fiqh	<i>Kifāyah al-Ghulām, Matan al-Taghrīb, dan Matan Safrinatu al-Najāh, Al-Bajūrī, I'ānah al-Tālibīn, Haħalli dan Tahrīr, Fatḥu al-Wahhāb</i>
2	Tauhid	<i>Al-Aqīdah al-Islāmiyyah, Khamsah al-Mutun, Kifāyah al-'Awwām, Hudhudī, Dasūkī,</i>
3	Nahwu	<i>Mutammimah, Syaikh al-Khalīd, Alfīyah, al-Jurūmiyah</i>
4	Saraf	<i>Kailānī, Salsul Madkhal, al-Maṭlūb.</i>
5	Hadits	<i>Hadith Matan al-Arba'in, Tankīh al-Qaūl al-Hadīth, Majālith al-Thāni'ah.</i>
6	Tasauf	<i>Taisīr al-Khallāq, Ta'līm al-Muta'allim, Murāqi Ubudiyah, Sirāj al-Tālibīn, Ihyā Ulūmīddīn.</i>
7	Usul Fiqh	<i>Waraqat, Laṭāif al-Ishārah, Ghāyah al-Uṣūl, Jam'u al-Jawāmi'.</i>
8	Mantek	<i>Matan al-Sullam, Idāhah al-Mubhām, Sabbān al-Malawī</i>
9	Bayan	<i>Sawī Bardir, Jauhar al-Maknūm.</i>
10	Ma'ani	<i>Jauhar al-Maknūm</i>
11	Tafsir Al-Qur'an	<i>Shawī</i>
12	Musthalah Hadis	<i>Minhah al-Mughīth, al-Baiqūnī.</i>
13	Tarikh (Sejarah)	<i>Khulāṣah Nūr al-Yaqīn Jilid 1-3.</i>

Sumber: Pejabat Departemen Agama Bandar Bireuen 2010.

Merujuk kepada mata pelajaran yang diajar di pondok tradisional tersebut menunjukkan bahawa minat masyarakat Bireuen terhadap mata pelajaran agama sangat baik, terutamanya dalam kalangan pelajar yang menuntut ilmu di pondok tradisional.

¹⁴⁰ Sumber data pengkaji perolehi dari pejabat Departemen Agama Bandar Bireuen, tahun 2010 pada 26 Mei 2010.

Taraf pencapaian pelajar di bandar Bireuen pada tahun 2006 iaitu seperti berikut: Sekolah Rendah atau setaraf seramai 5,609 pelajar, manakala pelajar yang berhenti bersekolah seramai 97 pelajar. Untuk tingkatan Sekolah Menengah Pertama (SMP) atau setaraf, bilangan pelajar seramai 5,280 orang, merangkumi 5,195 pelajar sekolah kebangsaan dan 85 sekolah swasta dan berhenti bersekolah seramai 135 orang. Untuk tingkatan Sekolah Menengah Umum (SMU) atau setaraf seramai 2,587 pelajar, merangkumi 2,453 pelajar sekolah kebangsaan dan 134 pelajar sekolah swasta dan bilangan pelajar yang berhenti bersekolah seramai 55 orang.¹⁴¹

Di samping itu, satu universiti telah ditubuhkan di bandar Bireuen iaitu Universiti al-Muslim, yang mana kewujudan universiti tersebut telah membantu masyarakat Bireuen bagi meneruskan pendidikan anak-anak mereka ke peringkat universiti. Universiti tersebut juga dapat menerima mahasiswa sama ada pelajar graduan SMU¹⁴² mahupun setaraf dengannya yang wujud di dalam dan luar bandar Bireuen. Dengan demikian ianya dapat membantu ekonomi masyarakat bandar Bireuen dalam perkara yang berkaitan dengan perbelanjaan dan yuran kuliah.¹⁴³

3.1.5.2. Taraf Pendidikan Masyarakat

Tahap kelulusan pendidikan sesebuah masyarakat merupakan kayu ukur kepada kualiti pendidikan formal pada satu daerah. Pertumbuhan taraf pendidikan yang dicapai majoriti penduduk dalam sesebuah negara menggambarkan peningkatan taraf

¹⁴¹ Badan Pusat Statistik (BPS) Bandar Bireuen, *op.,cit.*, h. 44-45.

¹⁴² Pelajar graduan SMU adalah istilah graduan yang telah menamatkan pendidikannya di peringkat Sekolah Menengah Atas sebelum meneruskan pendidikan ke peringkat universiti, sepertimana yang ada di Malaysia setaraf dengan graduan SPM.

¹⁴³ Badan Pusat Statistik (BPS) Banda Bireuen, *op.,cit.*, h. 52.

keilmuan dan intelektual suatu bangsa pula. Jadual di bawah ini adalah taraf pencapaian pendidikan penduduk bandar Bireuen pada tahap umur 10 tahun hingga ke atas.

Jadual 3.2: Jumlah Penduduk Berumur 10 Tahun ke Atas Mengikut Peringkat Pendidikan Tertinggi Yang Dicapai Pada Tahun 2006:¹⁴⁴

No.	Pendidikan Tertinggi Yang Ditamatkan	Jantina		Jumlah
		Laki-laki	Perempuan	
1.	Tidak/ Belum pernah Bersekolah	2,894	4,452	7,346
2.	Tidak/ Belum Tamat SD(SR)	36,166	37,263	73,429
3.	Tamat SD/ Setaraf	51,665	47,582	99,247
4.	Tamat SLTP/ Setaraf	24,733	26,389	51,122
5.	Tamat SLTA/ Setaraf	23,022	22,078	45,100
6.	Tamat Diploma/ Setaraf	1,226	2,294	3,520
7.	Tamat Sarjana/ Pasca Siswazah	2,070	1,338	3,408
Bilangan Semua		141,776	141,396	282,172

Sumber data: Pejabat Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Bandar Bireuen.

Dari jadual 3.2 di atas, dapat disimpulkan bahawa taraf pendidikan masyarakat bandar Bireuen masih rendah. Hal tersebut terbukti kerana dari bilangan penduduk Bireuen seramai 282,172 didapati bahawa penduduk yang tidak bersekolah seramai 7,346 orang, penduduk yang tidak dapat menamatkan sekolah seramai 73,429 orang, penduduk yang berkelulusan sekolah rendah seramai 99,247 orang, penduduk yang berkelulusan Sekolah Lanjutan Tingkat Pertama (SLTP) seramai 51,122 orang, lulusan Sekolah Lanjutan Tingkat Atas (SLTA) seramai 45,100 orang. Manakala penduduk yang menyelesaikan pendidikan di peringkat sekolah tinggi iaitu graduan diploma hanya seramai 3,520 dan graduan sarjana muda dan sarjana hanya

¹⁴⁴ Sumber data dari Pejabat Dinas Pendidikan dan Kebudayaan Bandar Bireuen, tahun 2006.

3,408 orang. Melihat kepada sedikitnya graduan pendidikan tinggi tersebut, sangat berkesan kepada peningkatan kefahaman masyarakat Bireuen terhadap syariat Islam.

3.2. Peruntukan Kanun Pelaksanaan Hukuman Sebat di Nanggroe Aceh Darussalam.

Di bawah ini terdapat beberapa peruntukan kanun yang mensabitkan hukuman sebat terhadap pelanggar kanun syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam. Di antara kanun tersebut adalah :

3.2.1. Kanun No. 12 Tahun 2003 Tentang Khamar

Istilah khamar dari segi bahasa adalah berasal dari perkataan *al-khamr* yang bermaksud menutupi. Khamar adalah sejenis minuman yang memabukkan (menutupi kesihatan akal). Khamar menurut udang-undang No. 12 Tahun 2003 bab I fasal 1 adalah minuman yang memabukkan apabila ia diminum boleh menjelaskan kesihatan, kesedaran dan daya fikir.

Dalam pelaksanaan syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam, perkara khamar ditetapkan dalam kanun No. 12 Tahun 2003. Manakala peruntukan material tentang larangan meminum khamar tersebut adalah seperti berikut:

Fasal 4: Minuman khamar dan sejenisnya hukumnya haram

Fasal 5: Setiap individu dilarang meminum khamar dan sejenisnya.

Fasal 6: Ayat (1): Setiap individu atau badan undang-undang/syarikat dilarang mengeluar, menyedia, menjual, memasuk, mengedar, menyimpan,

berniaga serta mempromosikan khamar (minuman arak) dan sejenisnya.

Ayat (2): Setiap individu atau badan undang-undang dilarang ikut membantu pengeluaran, menyedia, menjual, memasuk, mengedar, menyimpan, berniaga serta mempromosikan khamar (minuman arak) dan sejenisnya.

Fasal 7: Larangan sepetimana dimaksud dalam fasal 6 berlaku juga terhadap badan undang-undang dan syarikat yang diberi modal atau menggaji pekerja luar.

Fasal 8: Institusi yang berkuasa mengeluarkan izin usaha hotel, penginapan, wisma, bar, restoran, kedai kopi, rumah makan, kedai dan tempat-tempat lain dilarang memberi izin penyediaan minuman arak dan sejenisnya.

Fasal 9: Setiap individu atau kumpulan masyarakat berkewajipan mencegah perbuatan meminum arak dan sejenisnya.¹⁴⁵

Hukuman yang akan dijatuahkan terhadap individu yang melanggar kanun seperti mana yang diuraikan di atas adalah seperti berikut:

Fasal 26:¹⁴⁶ (1) Setiap individu yang melanggar peruntukan sepetimana dimaksud dalam fasal 5, dijatuhi hukuman hudud empat puluh kali sebatan.

¹⁴⁵ Lihat *Himpunan Undang-Undang, Keputusan Presiden, Peraturan Daerah/Qanun, Isntruki Gubernur, Edaran Gubernur Berkaitan Pelaksanaan Syari'at Islam*, (2009), Edisi Ketujuh, Banda Aceh: Dinas Syari'at Islam Aceh, h. 323. Lihat juga dalam Al Yasa' Abubakar dan Marah Halim (2007), *Hukum Pidana Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 70.

¹⁴⁶ Al Yasa' Abubakar dan Sulaiman M. Hasan (2007), *Perbuatan Pidana dan Hukumannya Dalam Qanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 34. Yang dimaksud dengan setiap orang dalam fasal 26 ayat (1) ini adalah "pemeluk agama Islam yang mukalaf di Nanggroe Aceh Darussalam." Manakala yang dimaksud dengan setiap orang dalam ayat (2) adalah "orang yang ada di Nanggroe Aceh Darussalam." Lihat juga *Himpunan Undang-Undang, Keputusan Presiden, Peraturan Daerah/Qanun, Isntruki Gubernur, Edaran Gubernur Berkaitan Pelaksanaan Syari'at Islam*, (2009), *op.cit.*, h. 333.

- (2) Setiap individu yang melanggar peruntukan sepertimana dimaksud dalam fasal 6 hingga fasal 8 akan dijatuhi hukuman ta'zir iaitu hukuman pemenjaraan maksimum satu tahun dan minimum tiga bulan atau denda minimum Rp. 7.5 juta dan maksimum Rp. 25 juta.
- (3) Pelanggaran terhadap peraturan sepertimana dimaksud dalam fasal 5 adalah kesalahan hudud.
- (4) Pelanggaran terhadap peraturan sepertimana dimaksud dalam fasal 6 hingga fasal 8 adalah kesalahan ta'zir.

Fasal 30: Pelanggaran terhadap peraturan sepertimana dimaksud dalam fasal 6 hingga fasal 8:¹⁴⁷

- (a) Apabila dilakukan badan undang-undang atau syarikat, maka hukumannya dijatuhkan kepada penanggung jawab.
- (b) Apabila berhubung kait dengan aktiviti syarikatnya, maka selain daripada hukuman sepertimana dimaksud dalam ayat (2) fasal 26, dapat juga dijatuhi hukuman pentadbiran dengan menarik kembali atau membatalkan izin operasional syarikat yang telah diberikan.

3.2.1. Kanun No. 13 Tahun 2003 Tentang *Maisir* (Judi)

Maisir berasal dari perkataan *yasara* atau *yusr* yang bermaksud mudah, atau dari kata *yasar* yang bermaksud kekayaan. *Maisir* atau perjudian adalah satu bentuk permainan yang mengandungi unsur taruhan atau orang yang menang dalam permainan itu berhak mendapatkan wang taruhan tersebut.¹⁴⁸ Manakala perjudian

¹⁴⁷ *Ibid.*, h. 328. Lihat juga Al Yasa' dan Marah Halim (2007), *op.cit.*, h. 71.

¹⁴⁸ Al Yasa' Abubakar dan Sulaiman M. Hasan (2007), *op.cit.*, h. 38

menurut undang-undang No. 13 Tahun 2003 bab 1 fasal 1 ialah aktiviti atau perbuatan yang bersifat taruhan antara kedua belah pihak atau lebih di mana pihak yang menang mendapat bayaran.”¹⁴⁹

Mengenai pelaksanaan syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam, perjudian ditetapkan dalam kanun No. 13 Tahun 2003. Manakala peruntukan peruntukan material di dalam kanun tersebut adalah seperti berikut:¹⁵⁰

Fasal 4: Judi hukumnya haram.

Fasal 5: Setiap individu dilarang melakukan perjudian.

Fasal 6: (1) Setiap individu, badan undang-undang atau syarikat dilarang melaksanakan atau menyediakan fasiliti kepada orang yang melakukan perjudian.

(2) Setiap individu, badan undang-undang atau syarikat dilarang melindungi perjudian.

Fasal 7: Institusi kerajaan dilarang memberi izin tempat perjudian.

Fasal 8: Setiap individu, kumpulan atau organisasi masyarakat berkewajipan mencegah berlakunya perjudian.

Hukuman yang akan dikenakan terhadap pelanggar kanun seperti mana diuraikan di atas adalah seperti berikut:

¹⁴⁹ Lihat Qanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Nomor 13 Tahun 2003 Tentang Maisir (perjudian), Dinas Informasi dan Kamonukasi Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 6.

¹⁵⁰ Lihat *Himpunan Undang-Undang, Keputusan Presiden, Peraturan Daerah/Qanun, Isntruksi Gubernur, Edaran Gubernur Berkaitan Pelaksanaan Syari'at Islam*, (2009), op.cit., h. 339-340.

Fasal 23: (1) Setiap individu yang melanggar peruntukan sepetimana dimaksud dalam fasal 5, akan dijatuhi hukuman sebat di depan orang ramai maksimum dua belas kali sebatan dan minimum enam kali sebatan.

(2) Setiap individu, badan undang-undang atau syarikat bukan milik kerajaan yang melanggar peruntukan sepetimana dimaksud dalam fasal 6 dan 7, akan dihukum (1) hukuman atau denda maksimum Rp. 35 juta dan minimum Rp. 15 juta. (2) Pelanggaran terhadap larangan sepetimana dimaksud dalam fasal 5,6 dan 7 adalah kesalahan ta'zir.¹⁵¹

Fasal 26:¹⁵² Pengulangan pelanggaran sepetimana dimaksud dalam fasal 5, 6 dan 7 hukumannya dapat ditambah 1/3 (sepertiga) daripada hukuman maksimum.

Fasal 27:¹⁵³ Pelanggaran terhadap peruntukan sepetimana dimaksud dalam fasal 6:

(a) Apabila dilakukan oleh badan undang-undang atau syarikat, maka hukumannya dikenakan kepada penanggung jawab.

(b) Apabila berhubung kait dengan aktiviti perniagaan, maka selain hukuman sepetimana dimaksud dalam fasal 23 ayat (2), dapat juga dikenakan hukuman pentadbiran dengan menarik kembali atau membatalkan izin perniagaan yang telah diberikan.

¹⁵¹ *Ibid.*, h. 343

¹⁵² *Ibid.*, h. 344.

¹⁵³ *Ibid.*,

3.2.2. Kanun No. 14 Tahun 2003 Tentang Khalwat

Menurut bahasa, khalwat berasal daripada *khulwah* dari akar kata *khalā* yang bermaksud “sunyi” atau “sepi”. Manakala menurut istilah, khalwat adalah keadaan seseorang yang bersendirian dan jauh dari pandangan orang ramai. Khalwat dapat diertikan dengan makna positif ataupun negatif. Dalam makna positif, khalwat adalah menarik diri dari keramaian dan menyepi untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Manakala dalam erti negatif, khalwat bermaksud perbuatan berdua-duaan antara lelaki dan wanita bukan mahram dan tidak ada ikatan perkahwinan di tempat sunyi atau terhindar dari pandangan orang ramai.¹⁵⁴ Manakala khalwat menurut kanun No. 14 Tahun 2003 bab 1 fasal 1 adalah perbuatan berdua-duaan di tempat sunyi antara dua orang mukallaf atau lebih yang berlainan jantina dan tidak mahram dan tidak ada ikatan perkahwinan.¹⁵⁵ Peruntukan-peruntukan material di dalam kanun tersebut adalah seperti berikut:¹⁵⁶

Fasal 4: Khalwat (Mesum) hukumnya haram

Fasal 5: Setiap individu dilarang berkhalwat.

Fasal 6: Setiap individu, masyarakat atau pegawai kerajaan dan syarikat dilarang menyediakan fasiliti dan/atau melindungi individu yang berkhalwat.

Fasal 7: Setiap individu sama ada perseorangan mahupun kumpulan berkewajipan mencegah berlakunya khalwat.

¹⁵⁴ Al Yasa' Abubakar dan Sulaiman M. Hasan (2007), *op.cit.*, h. 44.

¹⁵⁵ Lihat Qanun Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam Nomor 14 Tahun 2003 Tentang Khalwat (Mesum), Dinas Informasi dan Komunikasi Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 6.

¹⁵⁶ *Ibid.*, h. 46.

Manakala hukuman yang akan dikenakan terhadap pelanggar kanun seperti mana diuraikan di atas adalah seperti berikut:¹⁵⁷

Fasal 22: (1) Setiap individu yang melanggar peruntukan seperti mana yang dimaksud dalam fasal 4, akan dikenakan hukuman ta'zir iaitu hukuman sebat maksimum sembilan kali sebatan dan minimum tiga kali sebatan dan/atau denda maksimum Rp. 10 juta dan minimum Rp. 2.5 juta.

(2) Setiap individu yang melanggar peruntukan seperti mana dimaksud dalam fasal 5 akan dijatuhi hukuman ta'zir iaitu hukuman pemenjaraan (1) maksimum enam bulan dan minimum dua bulan dan/atau denda maksimum Rp. 15 juta dan minimum Rp. 5 juta. (2) pelanggaran terhadap larangan seperti mana dimaksud dalam fasal 5 dan 6 adalah kesalahan ta'zir.¹⁵⁸

Fasal 24: Pengulangan pelanggaran terhadap peruntukan seperti mana dimaksud dalam fasal 22, hukumannya boleh ditambah 1/3 (sepertiga) dari hukuman maksimum.

Fasal 25: Pelanggaran terhadap peruntukan seperti mana yang dimaksud dalam fasal 5 dan 6:

- (a) Apabila dilakukan oleh badan undang-undang atau syarikat, maka hukumannya dikenakan kepada yang bertanggungjawab.
- (b) Apabila berhubung kait dengan aktiviti usahanya, maka selain hukuman seperti mana dimaksud dalam fasal 22 ayat (1) dan (2), dapat juga dijatuhkan hukuman pentadbiran dengan menarik kembali atau membatalkan izin usaha yang telah diberikan.

¹⁵⁷ *Ibid.*, h. 46-47.

¹⁵⁸ Maksud daripada ayat "setiap orang" dalam fasal 22, Ayat (1 dan 2) adalah orang Islam yang wujud di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.

3.3. Kaedah Pelaksanaan Hukuman Sebat di Nanggroe Aceh Darussalam

Hukuman sebat bukan bertujuan menyeksa atau melukai pesalah, namun sebaliknya sebagai pencegahan dan pengajaran ke atas pesalah. Oleh itu , maka ianya perlu dilaksanakan dengan lebih teliti dan berhati-hati supaya matlamat hukuman tersebut tercapai. Sikap kehati-hatian perundangan Islam dalam perkara sebegini boleh dilihat kepada syarat-syarat hinggalah kepada alat atau kaedah menjalankan hukuman sebat itu. Sebelum hukuman sebat dijalankan, perlu dipastikan bahawa pesalah berkenaan dalam keadaan sedia dan boleh untuk dikenakan hukuman sebat dan hukuman tersebut tidak akan membahayakannya. Pertimbangan terhadap kesihatan, keadaan individu dan cuaca yang sesuai perlu dilakukan sewajarnya.¹⁵⁹ Demikian pula di dalam kanun keseksaan syariah Islam di Nanggroe Aceh Darussalam amat menitikberatkan mengenai kaedah pelaksanaan hukuman sebat seperti dalam perundangan Islam. Kaedah tersebut telah ditetapkan dalam kanun jenayah syariat Nanggroe Aceh Darussalam. Berikut akan dijelaskan berkenaan dengan kaedah pelaksanaan hukum sebat tersebut.

3.3.1. Tempat dan Masa Pelaksanaan Hukuman Sebat

Merujuk kepada Peraturan Gabenor No. 10 Tahun 2005 tentang kaedah pelaksanaan hukuman sebat, bahawa hukuman sebat dilaksanakan di satu tempat terbuka yang dapat disaksikan oleh orang ramai dengan dihadiri oleh Pendakwa Raya dan doktor sepetimana dijelaskan dalam fasal 4 peraturan Gabenor No. 10 Tahun 2005. Hukuman sebat akan dilaksanakan di atas alas bersaiz 3x3 meter. Jarak antara

¹⁵⁹ Paizah Hj. Ismail (1993), “Kaedah dan Pelaksanaan Hukuman Sebat: Satu Penilaian”, *Jurnal Syariah*, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Jil. 1 Bil. 1, Januari-Jun 1993, h. 60.

pesalah dengan penyebat ialah 0.70 meter hingga 1 meter dengan kedudukan penyebat berdiri di sisi sebelah kiri pesalah. Jarak antara tempat penyebat dengan masyarakat yang menyaksikan tidak lebih daripada 10 meter.¹⁶⁰ Manakala tempat yang selalu digunakan dalam melaksanakan hukuman sebat iaitu di depan masjid kampung atau bandar. Di samping itu, hukuman sebat dilaksanakan selepas solat Jumaat. Dengan itu ramai masyarakat yang dapat menyaksikan proses hukuman. Kerana matlamat hukuman sebat iaitu untuk memberi pengajaran kepada pesalah dan orang ramai sehingga tidak melanggar kanun syariat Islam serta memberi rasa malu kepada pesalah sehingga tidak melakukan kesalahan yang sama untuk kali kedua.

3.3.2. Taraf Kesihatan Pesalah

Di dalam Peraturan Gabenor provinsi Nanggroe Aceh Darussalam No. 10 Tahun 2005 juga dijelaskan tentang keadaan kesihatan pesalah iaitu dalam fasal 5 ayat (1) dijelaskan bahawa sebelum hukuman dilaksanakan, pesalah hendaklah diperiksa oleh seorang Pegawai Perubatan Kerajaan untuk diperakui bahawa pesalah itu adalah dalam keadaan kesihatan yang baik untuk menjalani hukuman. Numun jika semasa pelaksanaan hukuman sebat itu Pegawai Perubatan memperakui bahawa pesalah itu tidak lagi dapat menerima sebatan, sebatan itu hendaklah ditangguhkan sehingga Pegawai Perubatan itu memperakui bahawa pesalah itu sihat tubuhnya untuk menjalani hukuman.¹⁶¹

¹⁶⁰ Sri Suyanta *et al.* (2007), *Buku Panduan Pelaksanaan Syariat Islam Untuk Remaja, Pelajar dan Mahasiswa*. Banda Aceh: Kerjasama Antara IAIN Ar-Raniry dan Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 170. Lihat juga dalam *Himpunan Undang-Undang, Keputusan Presiden, Peraturan Daerah/Qanun, Isntruki Gubernur, Edaran Gubernur Berkaitan Pelaksanaan Syari'at Islam*, (2009), *op.cit.*,h. 659.

¹⁶¹ *Ibid.*, h. 660. Lihat juga Sri Suyanta *et al.* (2007), *op.cit.*, h. 170.

Dalam proses hukuman sebat, apabila pesalah mengalami luka kerana sebatan, maka hukuman sebat tersebut ditangguhkan untuk sementara waktu. Mengikut kepada perintah doktor yang bertugas dan berdasarkan pertimbangan pakar perubatan yang telah dirujuk, sementara baki sebatan ditangguhkan hingga masa yang memungkinkan pesalah untuk disebat. Dalam perkara hukuman sebat yang ditangguhkan sementara, maka pesalah dikembalikan kepada pihak keluarganya. Namun pesalah dan keluarganya perlu memberitahu keadaan kesihatan pesalah kepada pendakwa secara berperingkat. Apabila dalam masa satu bulan pesalah ataupun keluarganya tidak menyampaikan laporan, maka pendakwa boleh meminta pihak polis tempatan untuk menghadirkan pesalah ke hadapan pendakwa. Hukuman sebat yang ditangguhkan sementara itu akan diteruskan kembali ketika Pegawai Perubatan memperakui bahawa pesalah dapat untuk menjalani hukuman sebat. Pelaksanaan hukuman sebat yang ditangguhkan akan diteruskan selepas pesalah ditangkap dan diantar kepada pendakwa.¹⁶²

3.3.3. Posisi dan Pakaian Semasa Menjalani Hukuman

Ketika menjalankan hukuman sebat, kedudukan dan pakaian yang dipakai pesalah juga diberi tumpuan sama ada bagi pesalah perempuan maupun lelaki. Di dalam Peraturan Gabenor No. 10 Tahun 2005 ayat (9) dijelaskan bahawa pesalah lelaki disebat dalam keadaan berdiri tanpa penyangga, tanpa diikat dan menggunakan baju nipis yang menutup aurat. Manakala bagi pesalah perempuan pula disebat dalam keadaan duduk dan ditutup kain di atas pahanya, dan sebatan ke atas wanita hamil

¹⁶² *Ibid.*, h. 171.

dilakukan selepas enam puluh hari melahirkan.¹⁶³ Sementara itu, jarak antara pesalah dengan penyebat ialah antara 0,70 meter hingga 1 (satu) meter dengan kedudukan penyebat berdiri di sisi kiri pesalah.¹⁶⁴

3.3.4. Sasaran dan Kekuatan Pukulan

Di dalam Peraturan Gabenor dijelaskan bahawa hukuman sebat ialah jenis hukuman badan yang dikenakan ke atas pesalah dengan menyebat badannya.¹⁶⁵ Sebatan tersebut dikenakan pada bahagian belakang (bahu hingga pinggul) pesalah, dan tidak boleh menyebat pesalah pada bahagian kepala, muka, dada dan kemaluan. Manakala kadar pukulan atau sebatan tidak sampai melukai terhukum.¹⁶⁶ Dengan demikian, maka pesalah tidak cedar parah disebabkan oleh hukuman tersebut. Kerana tujuan hukuman sebat bukanlah untuk mencedarai, akan tetapi untuk memberikan pengajaran kepada pesalah sehingga ia tidak melakukan kesalahan yang sama di masa hadapan.

3.3.5. Alat Sebatan

Alat yang digunakan semasa menjalankan hukuman sebat adalah rotan yang sederhana bermaksud tidak terlalu besar dan tidak pula terlalu kecil. Penyebatan

¹⁶³ *Ibid.*, h. 169. Lihat juga Al Yasa Abubakar (t.t.), *Sekilat Syariat Islam di Aceh*. op.cit., h.30. Lihat pula Mahmud Saedon A. Othman (2003), *Institusi Pentadbiran Undang-Undang dan Kehakiman Islam*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd., h. 253.

¹⁶⁴ Lihat dalam *Himpunan Undang-Undang, Keputusan Presiden, Peraturan Daerah/Qanun, Isntruksi Gubernur, Edaran Gubernur Berkaitan Pelaksanaan Syari'at Islam*, (2009), op.cit., h. 659.

¹⁶⁵ Sri Suyanta et al. (2007), op.cit., h. 169.

¹⁶⁶ Lihat dalam *Himpunan Undang-Undang, Keputusan Presiden, Peraturan Daerah/Qanun, Isntruksi Gubernur, Edaran Gubernur Berkaitan Pelaksanaan Syariat Islam*, (2009), op.cit., h. 659. Lihat juga Al Yasa' Abubakar (2008), *Syariat Islam di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam: Paradigma, Kebijakan dan Kegiatan*. op.cit., h.261.

dijalankan dengan menggunakan rotan dengan ukuran lilit antara 0.70 cm hingga 1 cm, dengan panjang rotan 1 meter dan tidak mempunyai hujung terbelah.¹⁶⁷ Rotan yang sederhana digunakan supaya tidak mencederai pesalah. Selepas hukuman sebat dijalankan, seperti mana yang dijelaskan dalam fasil 14 peraturan gabenor, bahawa pendakwa hendaklah membuat dan menandatangani berita mengenai acara pelaksanaan hukuman sebat tersebut. Doktor juga perlu menandatangani berita acara pelaksanaan hukuman sebat tersebut sebagai saksi. Seterusnya pendakwa membawa pesalah ke bilik yang telah disediakan untuk tindakan selanjutnya sama ada dibebaskan ataupun dikembalikan kepada keluarganya.¹⁶⁸

Daripada penjelasan mengenai kaedah pelaksanaan hukuman sebat yang jalankan di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, menurut pandangan pengkaji pelaksanaan hukuman sebat tersebut sesuai dengan kaedah pelaksanaan hukuman sebat dalam perundangan Islam. Di mana tujuan pelaksanaan hukuman sebat tersebut ialah memberi pengajaran kepada pesalah dan orang ramai untuk tidak melakukan kesalahan yang sama dan juga untuk mengelakkan pesalah supaya tidak melakukan perbuatan jenayah secara berterusan, bukan untuk merosakkan sama ada mental maupun fizikal pesalah. Oleh yang demikian, untuk mencapai matlamat tersebut pihak yang berkenaan perlu memastikan beberapa perkara sebelum pelaksanaan hukuman sebat. Ianya termasuk keadaan kesihatan pesalah, pakaian yang digunakan semasa menjalani hukuman, waktu dan tempat pelaksanaan hukuman, alat yang digunakan untuk menyebat pesalah dan kadar pukulan yang diterima pesalah serta sasaran pukulan yang boleh dikenakan kepada pesalah tersebut.

¹⁶⁷ Al Yasa Abubakar (t.t.), *Sekilat Syariat Islam di Aceh*. op.cit., h.30

¹⁶⁸ Sri Suyanta et al. (2007), op.cit., h. 171.

3.4. Institusi-Institusi Penguat Kuasa Kanun Hukuman Sebat di Nanggroe

Aceh Darussalam

Ada beberapa institusi kerajaan yang menjadi Penguat kuasa undang-udang yang berhubungan secara langsung dengan pelaksanaan syariat Islam di bandar Bireuen.

Di antara institusi-institusi tersebut iaitu:

3.4.1. Pendakwa Raya

Pendakwa raya merupakan salah satu daripada Institusi penguat kuasa kanun jenayah di Nanggroe Aceh Darussalam. Institusi ini ditetapkan dalam Perlembagaan Pendakwa Raya republik Indonesia No. 16 Tahun 2004. Perlembagaan Pendakwa Raya dan KUHP¹⁶⁹ mendefinisikan Pendakwa Raya sebagai pegawai kerajaan yang diberi hak kuasa oleh Perlembagaan untuk berkuasa sebagai Pendakwa Am dan pelaksana keputusan Mahkamah yang sudah wujud kuasa undang-undang serta hak kuasa lain yang berasaskan kepada Perlembagaan.

Manakala tugas dan hak kuasa Pendakwa Raya sebagai Pendakwa Am yang disebut dalam Perlembagaan Pendakwa Raya merangkumi tiga aspek iaitu jenayah, tata usaha, dan sivil. Berikut ini merupakan tugas dan hak kuasa Pendakwa Raya dalam hal ehwal jenayah seperti mana disebut dalam bab III (tugas dan hak kuasa), bahagian pertama (umum) fasal 30 ayat (1):¹⁷⁰

¹⁶⁹ KUHP iaitu Kitab Undang-Undang Hukum Pidana yang diguna pakai negara republik Indonesia dalam memutuskan satu perkara. Di dalam kitab tersebut menetapkan tentang undang-undang sivil dalam perbuatan jenayah am sahaja.

¹⁷⁰ Lihat dalam *Himpunan Undang-Undang, Keputusan presiden, Peraturan Daerah/Qanun, Instruksi Gubernur, Edaran Gubernur Berkaitan dengan Pelaksanaan Syariat Islam* (2009), *op.cit.*, h.55.

1. Menjalankan dakwaan;
2. Pelaksanakan keputusan Hakim dan keputusan Mahkamah yang telah memperoleh kuasa undang-undang yang sabit;
3. Melakukan pengawasan terhadap pelaksanaan keputusan jenayah bersyarat; keputusan jenayah pengawasan, dan keputusan tidak bersyarat;
4. Melakukan siasatan ke atas tindakan jenayah tertentu berdasarkan kepada udang-undang;
5. Menyempurnakan fail perkara tertentu. Pemeriksaan semula boleh dilakukan semula sebelum fail tersebut dihantar ke Mahkamah.

Dalam konteks pelaksanaan syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam, undang-undang No. 18 Tahun 2001 telah mensabitkan Pendakwa Raya sebagai salah satu daripada tiga institusi penguatkuasa undang-undang. Perkaitan Pendakwa Raya dinyatakan bahawa tugas Pendakwa Raya dijalankan oleh institusi Pendakwa Raya Kerajaan Nanggroe Aceh Darussalam sebagai bahagian daripada institusi Pendakwa Raya republik Indonesia. Ketetapan tentang tugas Pendakwa Raya ini kemudian diperincikan lagi dalam ketetapan Perlembagaan tentang pelaksanaan syariat Islam lainnya.¹⁷¹

Di dalam kanun jenayah dinyatakan bahawa Pendakwa Raya bertugas melaksanakan dakwaan terhadap pelanggaran dalam bidang syariat. Namun ketetapan yang wujud dalam Perda (Peraturan Daerah) dan kanun jenayah syariat tersebut menjelaskan bahawa tugas Pendakwa Am dalam bidang syariat secara am

¹⁷¹ Syahrizal Abbas *et al.* (2007), *Dimensi Pemikiran Hukum Dalam Implementasi Syariat Islam di Aceh*. c. 1. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam., h. 59.

sahaja. Oleh itu, pemerintah daerah kemudian menguatkuasakan kanun khas yang menetapkan tugas Pendakwa Raya dalam pelaksanaan syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam, sepetimana di dalam Perda yang menetapkan tugas dan fungsi Polis di Nanggroe Aceh Darussalam. Perda tersebut bermaksud untuk menjadikan asas kepada undang-undang pelaksanaan tugas dan fungsi Pendakwa Raya syariat dan penguatkuasaan undang-undang tersebut sesuai dengan Perlembagaan yang berkuat kuasa dan penguatkuasaan syariat Islam di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.¹⁷²

Peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan dalam undang-undang ini tidak jauh berbeza dengan fungsi dan tugas yang digalas oleh Polis. Apabila Polis ditugaskan untuk menjadi penyiasat terhadap pelanggaran syariat, maka Pendakwa Raya akan menjadi penguat kuasa perkara-perkara pelanggaran syariat. Fasal 5 dan fasal 12 menyatakan bahawa:

“Tugas dan fungsi Pendakwa Raya di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam adalah salah satu tugas dan fungsi kerajaan di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam di bidang ketertiban umum dan penegakan undang-undang syariat Islam.”¹⁷³

Peraturan tentang Pendakwa Raya dalam pelaksanaan syariat Islam disokong juga dengan penguatkuasaan Perlembagaan Pendakwa Raya republik Indonesia yang baharu iaitu undang-undang No. 16 Tahun 2004. Dalam undang-undang ini, terdapat ketetapan khas mengenai hak kuasa Pendakwa Raya untuk menangani perkara jenayah yang wujud dalam kanun pelaksanaan syariat Islam. Ketetapan tersebut tertulis dalam bab IV (ketetapan umum) fasal 29:

¹⁷² Ibid., h. 59.

¹⁷³ Ibid., h. 59.

“Pendakwa Raya berkuat kuasa menangani perkara jenayah yang ditetapkan dalam undang-undang sepetimana dimaksud dalam Undang-undang No. 18 Tahun 2001 tentang autonomi khusus bagi Provinsi Daerah Istimewa Aceh sebagai Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, sesuai dengan Undang-undang No. 8 Tahun 1981 tentang Hukum Acara Perdata.”¹⁷⁴

Dengan demikian, dapat difahami bahawa peranan Pendakwa Raya dalam pelaksanaan syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam yang ditetapkan dalam peraturan Perlembagaan selari dengan peranan Polis. Namun tetap mengekalkan penguatkuasaan tugas Pendakwa Raya sepetimana yang dikuatkuasakan oleh Perlembagaan. Selain daripada itu, disesuaikan pula dengan tuntutan pelaksanaan syariat Islam itu sendiri.

3.4.2. Mahkamah Syariah

Perkara yang berkaitan dengan institusi Mahkamah dalam hal pelaksanaan syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam, Perda No. 18 Tahun 2001 menyatakan bahawa Mahkamah Syariah Islam di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam dilaksanakan oleh Mahkamah Syariah di mana ia juga merupakan bahagian daripada sistem Perlembagaan negara. Berikut ini adalah ketetapan tentang Mahkamah Syariah dalam beberapa peraturan Perlembagaan tentang pelaksanaan syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam bermula dari penguatkuasaan Perda No. 18 Tahun 2001 di atas, seperti berikut :

1. Peruntukan tentang Mahkamah Syariah dalam undang-undang No. 18 Tahun 2001 tentang autonomi khusus sepetimana disebut. Kandungan yang paling penting ialah ketetapan bahawa institusi syariat Islam di provinsi Nanggroe Aceh

¹⁷⁴ *Ibid.*, h. 60.

Darussalam ialah Mahkamah Syariah yang disabitkan sebagai bahagian daripada sistem kehakiman negara.¹⁷⁵

2. Undang-undang No. 10 Tahun 2002 tentang Mahkamah Syariah Islam. Kandungan yang paling asas dalam undang-undang ini ialah tentang penambahan hak kuasa yang dimiliki oleh Mahkamah Syariah yang tidak terkait dengan perkara jenayah Islam sahaja, namun ia pula terkait dengan muamalat dan jenayah yang ditetapkan dalam kanun jenayah syariat.¹⁷⁶
3. Keputusan Presiden (Keppres) No. 11 Tahun 2003 tentang Mahkamah Syariah dan Mahkamah Syariah provinsi Nanggroe Aceh Darussalam. Semua peraturan yang tersenarai dalam Keppres tersebut berhubungkait dengan perubahan Kehakiman Agama menjadi Mahkamah Syariah. Perubahan ini merangkumi nama, daerah undang-undang, kekuasaan dan hak kuasa yang semuanya merupakan peralihan daripada Kehakiman Agama dengan beberapa penambahbaikan yang berkaitan dengan pelaksanaan syariat yang telah disabitkan dengan undang-undang.¹⁷⁷
4. Undang-undang No. 4 Tahun 2004 tentang kekuasaan Mahkamah. Ketetapan tentang Mahkamah Syariah disebut dalam fasal 15 ayat (1) dan ayat (2):¹⁷⁸

Ayat (1): “Mahkamah khusus hanya boleh ditubuhkan dalam salah satu lingkungan Mahkamah sepetimana dimaksud dalam fasal 10 yang ditetapkan dengan undang-undang”.

¹⁷⁵ Al Yasa' Abubakar (2008), *op.cit.*, h. 49. Lihat juga dalam *Himpunan Perundang-Undangan Tentang Mahkamah Syar'iyyah di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam* (2008), Banda Aceh: Mahkamah Syariah Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 45.

¹⁷⁶ *Ibid.*, h. 171. Lihat juga dalam A. Hamid Sarong (2002), “Mahkamah Syar'iyyah dan Wewenangnya di Nanggroe Aceh Darussalam” dalam Safwan Idris *et.al* (eds.), *Syariat Islam di Wilayah Syariat: Pernak Pernik Islam di Nanggroe Aceh Darussalam*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 219.

¹⁷⁷ Syahrizal Abbas *et al.* (2007), *op.cit.*, h. 64. Lihat juga dalam *Himpunan Perundang-Undangan Tentang Mahkamah Syar'iyyah di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam* (2008), *op.cit.*, h. 123.

¹⁷⁸ Lihat dalam *Himpunan Perundang-Undangan Tentang Mahkamah Syariah di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam* (2008), *op.cit.* h. 67

Ayat (2): “Mahkamah Syariah Islam di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam merupakan kehakiman khusus dalam lingkungan kehakiman agama sepanjang hak kuasanya berhubungkait dengan hak kuasa kehakiman agama, dan merupakan kehakiman khusus dalam lingkungan kehakiman am sepanjang hak kuasanya berhubungkait dengan kuasa kehakiman am”.

3.4.3. Wilayatul Hisbah (WH)

Wilayatul Hisbah ialah satu perbadanan atau institusi yang mempunyai kuasa untuk memberi peringatan kepada masyarakat tentang peraturan-peraturan yang sedia ada dan mesti dilaksanakan dan ditaati oleh masyarakat. Di samping itu pula memberi peringatan tentang perbuatan yang mesti dielakkan oleh masyarakat kerana ia bercanggah dengan undang-undang yang berlaku di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.¹⁷⁹ Wilayatul Hisbah juga merupakan satu perbadanan yang ditubuhkan untuk mengawasi pelaksanaan syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam.¹⁸⁰ Undang-undang Pemerintahan Aceh (UUPA) dalam No. 11 Tahun 2006 sudah menetapkan Satuan Polis Pamong Praja (Satpol PP) dan Wilayatul Hisbah (WH) sebagai polis khusus dan telah diberi tugas yang jelas iaitu melakukan penguatkuasaan kanun di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam.¹⁸¹ Di antara tugas WH sebagai pengawas pelaksanaan syariat Islam ialah membina masyarakat. Tugas WH untuk membina masyarakat tertulis dalam fasal 4 ayat (3) point a,b,c dan d

¹⁷⁹ Al Yasa' Abubakar (2009), *Wilayatul Hisbah: Polisi Pamong Praja Dengan Kewenangan Khusus di Aceh*. Banda Aceh: Dinas Syariat Islam Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, h. 22.

¹⁸⁰ Syahrizal *et al.*, (2007), *op.cit.*, h. 68.

¹⁸¹ Al Yasa' Abubakar (2009), *op.cit.*, h. 78.

Keputusan Gabenor No. 01 Tahun 2004 menjelaskan tentang alternatif tindakan yang mesti dibuat oleh pegawai Wilayatul Hisbah. Secara ringkasnya, keempat perkara tersebut menyatakan bahawa apabila berlaku pelanggaran syariat, maka pembinaan yang dijalankan WH iaitu dengan cara menegur, menasihati dan memberi peringatan ke atas pelaku supaya menghentikan kegiatan tersebut dan menyelesaikan perkara pelanggaran tersebut melalui Rapat Adat Gampong (RAM). Kerja pembinaan ini boleh dianggap sebagai alternatif dan boleh pula dianggap sebagai tahapan pembinaan.¹⁸² Dengan kewujudan Peraturan Gabenor di atas, maka WH telah diberi kuasa untuk membina masyarakat dengan cara menasihati, menegur serta memberi peringatan kepada masyarakat yang melanggar syariat Islam.

3.5. Kesimpulan

Pelaksanaan syariat Islam di Nanggroe Aceh Darussalam telah berjalan dengan penguatkuasaan undang undang-undang No. 44 Tahun 1999 tentang pelaksanaan keistimewaan (kekhususan) provinsi daerah istimewa Aceh dan undang-undang No. 11 Tahun 2006 tentang kerajaan Aceh. Di mana kedua-dua undang-undang tersebut menjadi asas kuat bagi Nanggroe Aceh Darussalam untuk menjalankan pemerintahannya sesuai dengan yang dikehendaki. Oleh itu, provinsi Nanggroe Aceh Darussalam memiliki kuasa untuk membuat undang-undang atau peraturan daerah tentang pelaksanaan syariat Islam serta menjalankan undang-undang tersebut dalam kehidupan masyarakat. Pada ketika ini pemerintah Nanggroe Aceh Darussalam sudah membuat beberapa peraturan daerah (Perda) yang berkaitan dengan syariat Islam. Di antaranya ialah kanun No. 12 Tahun 2003 tentang khamar dan sejenisnya,

¹⁸² Al Yasa' Abubakar dan Marah Halim (2007), *op.cit.*, h.126

kanun No. 13 Tahun 2003 tentang perjudian dan kanun No. 14 Tahun 2003 tentang khalwat. Apabila ada individu dalam kalangan masyarakat yang melanggar salah satu daripada ketiga-tiga kanun tersebut, maka akan dikenakan hukuman sebat antara tiga hingga dua belas kali sebatan. Dengan demikian, maka pemerintah Nanggroe Aceh Darussalam berharap supaya masyarakat lebih mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan mempertingkatkan ibadah serta mengelakkan masyarakat daripada melakukan perbuatan jenayah yang diharamkan dalam agama Islam.

Dalam menjalankan hukuman sebat, pemerintah telah membuat beberapa kanun yang menetapkan tentang kaedah pelaksanaan hukuman sebat tersebut, yang mana di dalam kanun tersebut sangat menitikberatkan kepada tujuan pelaksanaan hukuman sebat tersebut iaitu untuk memberi pengajaran kepada pesalah dan menimbulkan perasaan takut untuk melakukan perbuatan jenayah, bukan untuk memberi kesan luka atau cacat kepada pesalah. Di antara kanun yang menetapkan mengenai kaedah pelaksanaan hukuman sebat tersebut ialah:

Pertama; Peraturan Gabenor No. 10 Tahun 2005 tentang kaedah pelaksanaan hukuman sebat, bahawa hukuman sebat dilaksanakan di suatu tempat terbuka yang boleh disaksikan oleh orang ramai dengan dihadiri oleh pendakwa dan dokter sepetimana dijelaskan dalam fasal 4 Peraturan Gabenor No. 10 Tahun 2005.

Kedua; Peraturan Gabenor No. 10 Tahun 2005 tentang keadaan kesihatan pesalah iaitu dalam fasal 5 ayat (1) dijelaskan bahawa sebelum hukuman dilaksanakan, pesalah hendaklah diperiksa oleh seorang Pegawai Perubatan Kerajaan untuk diperakui bahawa pesalah itu adalah dalam keadaan kesihatan yang baik untuk menjalani hukuman. Numun jika semasa pelaksanaan hukuman sebat itu Pegawai

Perubatan memperakui bahawa pesalah itu tidak lagi dapat menerima sebatan, sebatan itu hendaklah ditangguhkan sehingga Pegawai Perubatan itu memperakui bahawa pesalah itu sihat tubuhnya untuk menjalani hukuman. *Ketiga;* Peraturan Gabenor No. 10 Tahun 2005 ayat (9) tentang kedudukan pesalah semasa menjalani hukuman. Di dalam ayat (9) dijelaskan bahawa pesalah lelaki disebat dalam keadaan berdiri tanpa penyangga, tanpa diikat dan menggunakan baju nipis yang menutup aurat. Manakala terhukum perempuan dalam keadaan duduk dan ditutup kain di atas pahanya, dan sebatan ke atas wanita hamil dilaksanakan selepas 60 (enam puluh) hari melahirkan.

Selain daripada kaedah di atas, kaedah yang mesti dititik beratkan juga ialah sasaran sebatan iaitu ketika menjalankan sebatan mesti dikenakan pada bahagian belakang (bahu hingga pinggul) pesalah dan tidak boleh menyebat pesalah pada bahagian kepala, muka, dada dan kemaluan yang boleh menyebabkan pesalah terluka atau cacat badannya atau malahan menyebabkan kematian. Merujuk kepada kaedah pelaksanaan hukuman sebat di atas, menurut pengkaji bahawa kaedah pelaksanaan hukuman sebat yang dijalankan di provinsi Nanggroe Aceh Darussalam tersebut sesuai dengan keadah pelaksanaan hukuman dalam perundangan Islam.